NO SOALAN :366

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN (KOTA BHARU)

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN [KOTA BHARU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menyekat penjualan arak di kedai-kedai jualan barangan yang beroperasi 24 jam.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar penjualan arak, penguatkuasaan dan pemantauannya seperti di kedai-kedai jualan barangan yang beroperasi 24 jam adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan.

Penjualan dan pengedaran arak adalah dilesenkan di bawah Seksyen 35

Akta Eksais 1976. Lesen-lesen tersebut adalah Lesen Rumah Awam, Lesen Rumah Bir, Lesen Jualan Borong dan Lesen Jualan Runcit dan ianya dikeluarkan oleh Lembaga Pelesenan Eksais.

Walau bagaimanapun, bagi mengawal jumlah pengeluaran arak dalam negara serta membendung penyalahgunaan dan kesan sosial akibat pengambilan arak, lesen pengilangan arak di bawah Seksyen 20 Akta Eksais 1976 telah dibekukan.